

# **Kertas Bil. 5/2019**



---

## **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK- PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG PEKERJA LADANG**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN  
(JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN)  
BERKAITAN ISU PEKERJA LADANG  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS 2019**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2019 pada 18-22 Mac 2019 & 25-29 Mac 2019.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Objektif penelitian berhubung isu pekerja ladang adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang dan seterusnya mengetengahkan cadangan penyelesaian yang sesuai. Ini termasuk hak asasi mereka dari segi perumahan, bekalan air bersih, pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan kemudahan infrastruktur asas lain.
- 2.2 Hasil dapatan laporan ini dirumus daripada sesi pertemuan dan dialog bersemuka antara pemimpin komuniti dan pekerja ladang bersama Ahli JPK-Pembasmian Kemiskinan, taklimat daripada Pengurus Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, National Union of Plantation Workers (NUPW) dan juga Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor.

**3. PENEMUAN JAWATANKUASA**

**3.1 Lawatan Ke Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Mary**

Ahli jawatankuasa yang hadir semasa lawatan ladang tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Kawasan Bukit Gasing)

- 2) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Kawasan Permatang)
- 3) Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof  
(ADN Kawasan Dusun Tua)
- 4) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin  
(ADN Kawasan Sungai Panjang)

### 3.1.1 Isu perumahan

- 3.1.1.1 Bekas pekerja ladang memaklumkan kepada ahli jawatankuasa bahawa mereka telah menetap sekian lama di kquarters ladang yang disediakan oleh majikan tetapi sudah tidak bekerja di ladang. Pekerja ladang yang telah bersara juga diarahkan mengosongkan kquarters ladang tersebut bagi membolehkan pekerja ladang yang baharu mendiaminya.
- 3.1.1.2 Rungutan daripada bekas pekerja ladang yang mendakwa bahawa pada tahun 2008, sebelum pilihan raya yang ke-12 kerajaan negeri pada ketika itu telah menjanjikan tanah dan rumah kepada bekas pekerja ladang. Upacara pecah tanah telah pun dibuat. Namun, hal ini masih belum menjadi realiti sehingga sekarang.
- 3.1.1.3 Antara penyelesaian perumahan yang munasabah dikemukakan oleh bekas pekerja ladang adalah untuk membeli kquarters ladang tersebut daripada majikan dengan pinjaman bank pada kadar faedah yang rendah.
- 3.1.1.4 Terdapat juga aduan daripada pekerja ladang yang masih bekerja bahawa majikan gagal untuk menyelenggara kquarters ladang tersebut. Kedaifan bumbung, tandas dan lain-lain menyebabkan keselesaan tempat tinggal pekerja ladang terjejas.

### 3.1.2 Isu bekalan air bersih

- 3.1.2.1 Pekerja ladang mengadu mereka tidak mendapat bekalan air bersih. Air yang disalurkan ke kuarters ladang dari punca sungai berdekatan berkeladak. Pekerja ladang terpaksa menggunakan untuk aktiviti sehari-hari seperti mandi, minum dan masak.
- 3.1.2.2 Selain itu, catuan air merumitkan lagi masalah bekalan air. Ia hanya dibuka dari pukul 2 petang hingga 7.30 petang dan ini menyukarkan lagi aktiviti sehari-hari penduduk.

### 3.1.3 Isu Pengangkutan, pendidikan dan kesihatan.

- 3.1.3.1 Pekerja ladang memaklumkan bahawa bas awam tidak lagi melalui Ladang Sungai Tinggi dan Mary kerana keadaan jalan raya yang tidak diselenggara oleh majikan.
- 3.1.3.2 Keadaan ini mengakibatkan kesukaran bagi anak-anak pekerja ladang untuk ke sekolah menengah dan bagi pekerja ladang membuat urusan di luar ladang.
- 3.1.3.3 Pekerja ladang terpaksa membayar RM90 sebulan bagi pengangkutan anak-anak mereka ke sekolah menengah dengan van.
- 3.1.3.4 Tambahan lagi, bagi kes kecemasan, pekerja ladang sukar untuk akses ke klinik dan hospital yang berdekatan. Misalnya, pekerja ladang terpaksa menyewa kenderaan perseorangan untuk membawa ibu mengandung ke hospital di Slim River, Perak serta menimbulkan kesulitan pada pendaftaran sijil kelahiran bayi.

### 3.1.4 Infrastruktur lain

- 3.1.4.1 Pekerja ladang membuat aduan bahawa sistem longkang tidak diselenggara dengan baik oleh majikan dan menyebabkan banjir di beberapa kawasan.

3.1.4.2 Pekerja ladang tidak boleh keluar dari rumah dan masuk ke kawasan ladang jika berlaku hujan lebat yang mengakibatkan aktiviti sehariannya mereka terganggu.

3.1.4.3 Lampu jalan juga tidak dipasang dalam kawasan ladang yang mendedahkan pekerja ladang kepada isu keselamatan jalan raya.

**3.2 Taklimat oleh Y.B. Ganabatirau a/l Veraman selaku Pengurus Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin.**

Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

- 3) Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran  
(ADN Kawasan Bukit Gasing)
- 4) Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin  
(ADN Kawasan Permatang)
- 5) Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni  
(ADN Kawasan Sungai Kandis)
- 4) Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof  
(ADN Kawasan Dusun Tua)
- 5) Y.B Tuan Chua Wei Kiat  
(ADN Kawasan Rawang)
- 6) Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin  
(ADN Kawasan Sungai Panjang)
- 7) Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman  
(ADN Kawasan Sabak)

- 3.2.1 YB Exco memaklumkan bahawa di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR), kerajaan negeri memperkenalkan program bernama Tabung Anak Pekerja Ladang. Peruntukan sebanyak RM1 juta telah diberikan untuk Program Tabung Anak Pekerja Ladang. Jenis bantuan adalah seperti berikut:

- 3.2.1.1 Bantuan bercirikan seminar UPSR dan tertumpu kepada Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Di bawah program ini Kerajaan Negeri meraikan murid yang mendapat keputusan cemerlang. Program ini hanya melibatkan sekolah rendah kebangsaan jenis tamil sahaja.
  - 3.2.1.2 Program bantuan tunai tambang bas sekolah sebanyak RM300/murid telah diberikan. Pada tahun 2018 seramai 2500 murid telah mendapat bantuan.
  - 3.2.1.3 Yuran pengajian sebanyak RM5000/seorang telah diperuntukkan bagi pelajar yang tidak mendapat bantuan kewangan daripada mana-mana institusi.
  - 3.2.1.4 Program kursus dan motivasi.
  - 3.2.1.5 Sebanyak RM500 ribu telah diperuntukkan untuk Program Pekerja Ladang untuk perayaan Deepavali, Thaipusam dan Ponggal.
- 3.2.2 Y.B. Exco merupakan ahli Estate Land Board. Setiap permohonan bagi tujuan pembangunan dari tanah ladang dan tanah pertanian 100 ekar ke atas perlu dibawa ke Estet Land Board. Tiada peruntukan akta atau enakmen yang memberi punca kuasa untuk sebarang permohonan pembangunan tanah ladang atau pekerja ladang. Syarat telah ditetapkan sekiranya estet itu kekal sebagai estet, kuasa Estet Land Board adalah terhad tetapi sekiranya dibangunkan untuk tujuan pembangunan permohonan tersebut boleh dipertimbangkan dan ianya dalam bidang kuasa Estate Land Board.

**3.3   Taklimat Fungsi Dan Peranan Menyeluruh Oleh *National Union Of Plantation Workers (NUPW)***

- 3.3.1   Taklimat telah diberikan oleh Encik V.Taamasegaran selaku wakil daripada *National Union of Plantation Workers (NUPW)*. NUPW anggotai oleh ahli yang terdiri daripada Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA), pekerja tempatan dan warga asing dan memainkan peranan untuk membincangkan gaji dan kemudahan pekerja.
- 3.3.2   Perbincangan di antara NUPW, Pihak Berkuasa Tempatan dan SYABAS telah diadakan bagi memastikan air bersih disalurkan ke dalam ladang estet. Pihak Berkuasa Tempatan dan SYABAS telah bersetuju menyediakan perpaipan ke kawasan ladang namun pengusaha ladang perlu mengeluarkan kos pembinaan perpaipan daripada titik mula kawasan ladang ke kuarters-kuarters pekerja. Pihak pengusaha ladang tidak bersetuju kerana kos pembinaan yang tinggi dan hanya membina telaga air.
- 3.3.3   NUPW juga telah membincangkan permasalahan mengenai isu kesihatan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Didapati kemudahan klinik estet tidak disediakan oleh pihak pengusaha ladang. Oleh yang demikian, NUPW memohon pegawai kesihatan daripada KKM untuk berkhidmat di klinik estet bagi memudahkan akses kepada rawatan kesihatan oleh pekerja ladang dan turut mencadangkan supaya pengusaha ladang menyediakan kemudahan klinik estet.
- 3.3.4   NUPW mencadangkan agar kemudahan pengangkutan disediakan oleh pengusaha ladang bagi pekerja ladang yang ingin mendapatkan rawatan di hospital dan juga bagi anak pekerja ladang yang ingin ke sekolah. Bagi anak pekerja ladang yang mendapatkan perkhidmatan van ke sekolah akan diberikan diskau sebanyak 50%.

- 3.3.5 Pekerja ladang yang telah bersara hanya akan diberi pampasan mengikut tempoh perkhidmatan dan tidak diperuntukkan pemberian rumah percuma dalam mana-mana peruntukan undang-undang.
- 3.3.6 Encik V.Taamasegaran mencadangkan agar satu undang-undang diwujudkan mengenai pemberian rumah percuma kepada pekerja ladang yang telah bersara sebagai ganjaran.

#### **3.4 Jabatan Tenaga Kerja (JTK)**

- 3.4.1 JTK menerangkan bahawa Jabatan Buruh telah ditubuhkan pada tahun 1912, dan objektif jabatan adalah menjaga pekerja di sektor perladangan dan lombong.
- 3.4.2 Pada tahun 2003, bahagian perkhidmatan pekerjaan di bawah JTK digabungkan dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia dan ditukar nama kepada JTK.
- 3.4.3 Terdapat 13 akta yang dikuatkuasakan oleh JTK dan Akta Standard-Standard Minimum dan Kemudahan Pekerja 1990 (AKTA 446) merupakan akta yang berkaitan pekerja ladang.
- 3.4.4 JTK memaklumkan terdapat 82 ladang di negeri Selangor. Walau bagaimanapun hanya 66 ladang sahaja yang menyediakan kquarters pekerja.
- 3.4.5 Maklumat terperinci taklimat daripada JTK adalah seperti di **Lampiran A**.

#### **4. KESIMPULAN**

- 4.1 Ahli jawatankuasa mendapati undang-undang sedia ada cukup untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pekerja ladang (pekerja dan bukan pesara atau bekas pekerja). Namun, penguatkuasaan terhadap peruntukan yang termaktub dalam Akta Standard-Standard Minimum dan

Kemudahan Pekerja 1990 (AKTA 446) oleh JTK adalah lemah dan oleh itu masalah kebijakan pekerja ladang masih berlanjutan.

- 4.2 Dua aspek isu pekerja ladang yang perlu diberi tumpuan adalah isu kebijakan pekerja ladang sedia ada dan isu perumahan bagi pekerja ladang yang telah bersara.

## 5. SARANAN

- 5.1 JTK perlu lebih tegas terhadap majikan yang tidak mematuhi peraturan yang terkandung dalam Akta Standard-Standard Minimum dan Kemudahan Pekerja 1990 (AKTA 446). Isu-isu seperti bekalan air, penyelenggaraan kuarters pekerja ladang, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, saliran banjir, jalan raya, lampu jalan, kebersihan estet memang cukup jelas di bawah tanggungjawab pengusaha ladang dan harus diambil tindakan sekiranya gagal dipatuhi. JTK perlu lebih proaktif dan tidak berkompromi dengan pengusaha ladang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam AKTA 446.
- 5.2 Bagi menjamin ketelusan, disarankan Mesyuarat Jawatankuasa Ladang yang dipengerusikan oleh Pengarah JTK Selangor menjemput Ahli Dewan Negeri (ADN) dan Ahli Parlimen yang mempunyai estet di kawasan mereka serta wakil Kerajaan Negeri untuk hadir ke mesyuarat tersebut sebagai pemerhati.
- 5.3 Kerajaan Negeri Selangor perlu memberi peluang kepada bekas pekerja ladang untuk membeli Rumah SelangorKu (RSKU) jenis A.
- 5.4 RSKU jenis A perlu dibangunkan di kawasan luar bandar juga.
- 5.5 Peruntukan subsidi tambang bas yang diberi kepada anak-anak pekerja ladang yang bersekolah rendah dipanjangkan kepada anak-anak pekerja ladang yang bersekolah menengah.

## 7. PERAKUAN

Penyata ini disediakan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat jawatankuasa Bil.4 pada 11 Februari 2019.

Disahkan oleh:



Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan  
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

1)	Y.B. Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Pengerusi
2)	Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (ADN Kawasan Permatang)	Ahli
3)	Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (ADN Kawasan Sungai Kandis)	Ahli
4)	Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (ADN Kawasan Dusun Tua)	Ahli
5)	Y.B Tuan Chua Wei Kiat (ADN Kawasan Rawang)	Ahli
6)	Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin (ADN Kawasan Sungai Panjang)	Ahli
7)	Y.B Tuan Ahmad Mustain bin Othman (ADN Kawasan Sabak)	Ahli

## URUS SETIA

- i) Puan Gayathri a/p Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhajirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Encik Mohmad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi  
Setiausaha Pejabat (Dewan)
- iv) Puan Salmiah binti Hamdan  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker
- v) Encik Ahmad Salami bin Zakuan  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

2/11/2019

**JABATAN TENAGA KERJA NEGERI SELANGOR****KEBAJIKAN PEKERJA  
LADANG****AHMAD MUDI ONN BIN NOR  
PENGARAH****SEJARAH PENUBUHAN JABATAN**

Tahun 1912	➤ Penubuhan Jabatan Buruh
Sebelum Tahun 1960an	➤ Objektif Jabatan <ul style="list-style-type: none"><li>▪ Menjaga kepentingan pekerja di sektor perladangan dan lombong</li></ul>
Tahun 2003	➤ Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Jabatan Tenaga Kerja digabungkan dengan Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia ➤ Pertukaran nama Jabatan Buruh kepada Jabatan Tenaga Kerja



## AKTA YANG DIKUATKUASAKAN

- 1) Akta Kerja 1955 (Akta 265)
- 2) Akta Hari Kelepasan Mingguan 1950 (Akta 220)
- 3) Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369)
- 4) Akta Pampasan Pekerja 1952 (Akta 273)
- 5) Akta Maklumat Pekerjaan 1953 (Akta 159)
- 6) Akta Kanak-Kanak Dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 (Akta 350)
- 7) Akta (Akta Sekatan) Kerja 1968 (Akta 353)
- 8) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)
- 9) Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
- 10) Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732)
- 11) Akta Umur Persaraan Minimum 2012 (Akta 753)
- 12) Akta Antipemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Manusia 2007 (Akta 670)
- 13) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 6012)

## PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

- 1) Mahkamah Buruh
- 2) Aduan Perburuhan
- 3) Pengeluaran Permit Perburuhan
- 4) Pemeriksaan Berkanun
- 5) Pemeriksaan Ladang
- 6) Khidmat Nasihat Dan Pendidikan Perburuhan
- 7) Tuntutan Pampasan Pekerja
- 8) Meluluskan Pelan Pembinaan Atau Pengubahsuaian Rumah Pekerja Dan Pusat Asuhan Kanak-kanak dan Mengeluarkan Sijil Perakuan Layak Menduduki
- 9) Mengeluarkan Surat Sokongan Untuk Pengambilan Pekerja Asing (ePPAX) Dan Pembantu Rumah Indonesia (PRI)
- 10) Pengeluaran Lesen Agensi Pekerjaan Swasta (APS)
- 11) Pendaftaran Dan Penempatan Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU)
- 12) Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU
- 13) Jobsmalaysia
- 14) Bimbingan Kerjaya

### LADANG DI SELANGOR

PEJABAT TENAGA KERJA	BILANGAN LADANG	BILANGAN LADANG YANG MEMPUNYAI PERUMAHAN PEKERJA
SUBANG JAYA	1	1
PELABUHAN KLANG	17	13
RAWANG	27	18
BANGI	5	5
KUALA SELANGOR	32	29
JUMLAH	82	66

\*Data JTK 2018

### PEKERJA TEMPATAN LADANG DI SELANGOR

JANTINA BANGSA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
MELAYU	539	111	650
CINA	34	3	37
INDIA	745	565	1310
ASLI	15	21	36
LAIN-LAIN	36	0	36
JUMLAH	1369	700	2069


\*Data JTK 2018

## PEKERJA ASING LADANG DI SELANGOR

JANTINA BANGSA	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Indonesia	1782	11	1793
Bangladesh	702	0	702
Vietnam	1	0	1
Nepal	118	0	118
Myanmar	17	0	17
Thailand	4	11	15
India	508	0	508
Sri Lanka	9	0	9
Pakistan	7	0	7
Lain-lain	35	0	35
<b>JUMLAH</b>	<b>3183</b>	<b>22</b>	<b>3205</b>

\*Data JTK 2018

## AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA 1990 (AKTA 446)



**TARIKH KUATKUASA : 1 DISEMBER 1990**

Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan  
Kemudahan Pekerja 1990

Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum  
Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990

Peraturan-Peraturan Standard-Standard Minimum  
Perumahan Dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan  
Kanak-Kanak) 1990

## OBJEKTIF

Menetapkan Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Pusat Asuhan Kanak-kanak Dan Dewan Komuniti

Menguntukkan Tanah Bagi Penanaman Dan Ragut Di Tempat Pekerjaan

Menyediakan Kemudahan-kemudahan Kesihatan, Hospital, Perubatan Dan Sosial

## PEMAKAIAN

Tidak Terpakai Bagi Tempat Pekerjaan Yang Terletak Di Dalam Kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran Dan Wilayah Persekutuan. (Seksyen 2(1))

Menteri Boleh Dengan Perintah Mengisytiharkan Mana-mana Peruntukan Akta Terpakai Bagi Mana-mana Tempat Pekerjaan Yang Terletak Di Dalam Kawasan Majlis Perbandaran. (Seksyen 2(2))



## TAFSIRAN (Seksyen 3)

### ESTET/LADANG

Mana-mana tanah pertanian melebihi 20 hektar luasnya yang di atasnya

Apa-apa jenis urusan pertanian; atau

Hasil apa-apa tumbuhan atau pokok dikutip atau diproses; atau

Mana-mana lombong; atau

Mana-mana tempat pekerjaan lain yang diisyiharkan oleh Menteri melalui perintah

### PEKERJA

Sebagaimana ditakrifkan dalam Jadual Pertama, Akta Kerja 1955 dan termasuklah tanggungannya

### TANGGUNGAN

Suami atau isteri, ibu bapa (termasuk bapa tiri dan ibu tiri), datuk atau nenek, anak (termasuk anak tiri), saudara lelaki dan saudara perempuan (termasuk saudara lelaki dan perempuan seibu atau sebapa dan saudara tiri lelaki dan saudara tiri perempuan) seseorang pekerja termasuk:-

(a) Anak tidak sah taraf atau anak angkat mengikut undang-undang bertulis

(b) Ibu bapa kepada anak tidak sah taraf atau ibu bapa angkat mengikut undang-undang bertulis

## PERUMAHAN PEKERJA

Tidak diwajibkan,

- tetapi apabila majikan menempatkan pekerja-pekerja yang digajikannya atau melalui kontraktornya di mana-mana perumahan yang di bawah milikannya atau kawalannya, bangunan itu hendaklah mematuhi standard-standard yang telah ditetapkan di bawah Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya (Seksyen 5(1))

## BEKALAN AIR

Jika perumahan disediakan, menjadi kewajipan majikan untuk menyediakan air paip bekalan awam percuma atau sumber lain yang boleh diminum yang dituras dan diproses mengikut cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah secara bertulis. **(Seksyen 6(1)(a))**

Jika bekalan air diambil daripada sumber bekalan awam dan disalurkan ke setiap rumah, Ketua Pengarah boleh atas permohonan mengecualikan majikan untuk menyediakan semua atau sebahagian bekalan secara percuma. **(Seksyen 6(4))**

## BEKALAN ELEKTRIK

Jika perumahan disediakan, ia adalah menjadi kewajipan majikan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi. **(Seksyen 6(1)(b))**

Jika penyediaan bekalan elektrik tidak praktikal atau tidak dapat dilaksanakan, Ketua Pengarah boleh mengecualikan majikan secara bertulis daripada memenuhi peruntukan ini. **(Seksyen 6(2))**

## PEMBINAAN BANGUNAN

Pengemukaan Pelan-Pelan Kepada Ketua Pengarah Untuk Kelulusan Pihak Berkuasa **(Seksyen 7(1))**

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan

Pelan-Pelan Bangunan - Ketua Pengarah

Pelan Tapak Dan Pengaturan Kebersihan – Pegawai Perubatan Kesihatan  
**(Seksyen 7(2))**



## PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK (PAKK)

Jika terdapat tidak kurang 10 orang tanggungan di bawah 4 tahun yang menetap bersama pekerja di tempat pekerjaan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan satu perintah bertulis menghendaki majikan membina sebuah pusat asuhan kanak-kanak. Perintah masih berkuatkuasa walaupun selepas perintah dikeluarkan bilangan orang tanggungan kurang dari 10 orang (**Seksyen 10(1)**)

Majikan perlu atas perbelanjaan sendiri menyediakan bekalan susu dan kelengkapan permainan (**Seksyen 10(3)**)

## TANAH UNTUK RAGUT / PENANAMAN

Majikan perlu sediakan kawasan seluas 250 meter persegi bagi pekerja yang telah bekerja tidak kurang dari enam bulan (**Seksyen 11(2)**)

Kawasan tanah boleh diambil semula jika:-

Tidak digunakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pekerja terima

Jika pekerja gunakan bagi tujuan selain daripada yang ditetapkan  
(**Seksyen 11(3)**)



## DEWAN KOMUNITI, KEMUDAHAN SUKAN DAN REKREASI LAIN

Jika terdapat tidak kurang daripada 100 orang pekerja menetap di tempat pekerja, Ketua Pengarah boleh melalui perintah bertulis menghendaki majikan:-  
membina dewan komuniti; dan  
menyediakan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi lain  
(**Seksyen 12(1)**)

## SEWA / CAJ PENGGUNAAN BANGUNAN

Seorang pekerja tidak dikehendaki membuat apa-apa bayaran sewa atau caj ke atas perumahan, pusat asuhan kanak-kanak, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi lain, kebersihan atau untukkan tanah yang disediakan oleh majikan.  
(**Seksyen 13**)



## KESIHATAN, HOSPITAL, RAWATAN PERUBATAN DAN KEBERSIHAN

### TAKRIFAN TANGGUNGAN (bagi maksud Bahagian ini)

Ahli keluarga, iaitu suami atau isteri, bapa, ibu dan anak atau anak angkat di bawah umur 18 tahun, yang tinggal bersama dengan dan bergantung kepada pekerja (Seksyen 14)

## HOSPITAL ESTET

Ketua Pengarah boleh melalui perintah menghendaki majikan membina dan menyenggarakan hospital estet (Seksyen 15(1))

Ketua Pengarah boleh melalui perintah menghendaki dua atau lebih majikan membina dan menyenggarakan hospital estet berkumpulan dan mengambil seorang pengamal perubatan yang didaftar di bawah Akta Perubatan 1971 untuk bertanggungjawab ke atas hospital kumpulan tersebut (Seksyen 15(4) & (5))

## PERBELANJAAN RAWATAN

Majikan bertanggungan atas perbelanjaan layanan, jagaan dan rawatan perubatan termasuk sajian makanan ke atas pekerja / tanggungan yang tinggal di estet sehingga 30 hari (Seksyen 16(1))

Majikan boleh mendapat kembali daripada pekerja perbelanjaan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Menteri melalui Warta bagi tempoh yang melebihi 30 hari (Seksyen 16(2))

## KLINIK ESTET

Jika tiada hospital estet disediakan, Ketua Pengarah selepas berunding dengan Pegawai Perubatan Kesihatan, boleh mengeluarkan satu perintah menghendaki majikan menubuhkan dan menyenggarakan sebuah klinik estet. (Seksyen 19(1))

Menjadi kewajipan majikan mengaturkan seorang pengamal perubatan berdaftar (VMO) untuk melawat ke estet sekurang-kurangnya dua minggu sekali untuk memberi rawatan kepada pekerja-pekerja dan orang tanggungan mereka (Seksyen 19(3))

